

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

LAWATAN DELEGASI UNY KE FPTV UTHM

Pada 18 hingga 21 Februari 2018 yang lalu, FPTV telah menerima kunjungan delegasi dari Universiti Negeri Yogyakarta (UNY), Indonesia melalui kerjasama Program Mobiliti Berkredit. Seramai 10 orang staf dari UNY yang diketuai oleh Dr Moh Khairuddin telah terlibat dalam kunjungan tersebut. Lawatan selama empat hari itu menyaksikan beberapa peristiwa penting telah berlangsung antaranya mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq bersama delegasi UNY berkenaan dengan Program Mobiliti Berkredit yang melibatkan pertukaran pelajar antara kedua-dua institusi. Isi penting mesyuarat tersebut juga antara lain membincangkan tentang penguahan kolaborasi untuk penganjuran persidangan pada masa akan datang. Selain itu, mesyuarat penanda aras Journal of Technical Education and Training (JTET) bersama Ketua Editor JTET, Prof. Dr. Maizam Alias juga telah diadakan untuk jurnal berstatus SCOPUS seperti yang telah diperolehi JTET FPTV. Delegasi juga telah dibawa melawat ke Perpustakaan Tun Aminah dan seluruh kawasan FPTV untuk tinjauan kemudahan yang terdapat di sini. Lawatan ini dilihat berlangsung dengan jayanya kerana kedua-dua pihak telah mencapai kata sepakat dalam perkara yang dibincangkan seterusnya diharap dapat meningkatkan KPI FPTV di UTHM.



Prof Madya Dr Abdul Rasid bertukar-tukar cenderahati dengan wakil UNY, Dr Moh Khairuddin



Mesyuarat antara pihak pengurusan FPTV dan delegasi UNY



Delegasi UNY bergambar bersama wakil pengurusan FPTV



Lawatan delegasi UNY ke Perpustakaan Tunku Tun Aminah

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Satu mesyuarat jawatankuasa pembelajaran dalam talian telah diadakan pada 21 Februari 2018 yang lalu bagi membincangkan pelaksanaan pembelajaran dalam talian Massive Open Online Course (MOOC) di FPTV. Mesyuarat kali pertama bagi tahun 2018 yang dipengerusikan oleh TDAA, Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Bin Abdul Razzaq bersama ahli jawatankuasa ini membincangkan perkara penting iaitu penguatkuasaan penggunaan MOOC di kalangan staf dan pelajar di FPTV bagi subjek-subjek yang terpilih sebagai perintis. Penguatkuasaan penggunaan MOOC yang mendapat kerjasama daripada CGOL ini telah merancang beberapa aktiviti seperti strategi pelaksanaan dan bengkel penerangan tentang MOOC dalam kalangan staf. Diharapkan supaya dengan pelaksanaan ini, ia mampu menyumbang kepada peningkatan KPI FPTV di UTHM selaras dengan hasrat KPT untuk mengembangkan lagi penggunaan pembelajaran teradun dalam kalangan staf dan pelajar di peringkat pengajian tinggi.



Sesi mesyuarat Jawatankuasa Pembelajaran dalam Talian

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

MAJLIS PERJUMPAAN PELAJAR BAHARU BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK

Pada 13 Februari 2018 yang lalu telah berlangsung Majlis Perjumpaan Pelajar Baharu bersama Penasihat Akademik. Majlis tersebut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dekan FPTV, Prof. Dr. Wan Abdul Rashid Bin Wan Ahmad, Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Bin Abdul Razzaq (Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Badaruddin Bin Ibrahim (Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan), Dr. Jamil Bin Abd Baser (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), ketua-ketua jabatan, penasihat-penasihat akademik dan pelajar-pelajar baharu. Sesi tersebut dimulakan dengan amanat Yang Berbahagia Dekan yang memberikan nasihat dan panduan kepada pelajar baharu yang bakal menempuh sesi pengajian di FPTV. Beliau turut menasihatkan supaya pelajar dapat belajar dan bersaing secara sihat di sepanjang pengajian mereka. Kemudian majlis tersebut disusuli dengan sesi suai kenal antara pelajar baru dan penasihat akademik masing-masing.



Sesi bergambar antara pelajar baharu bersama pihak pengurusan FPTV serta penasihat akademik



Nyanyian lagu Negaraku

TAKLIMAT PELAJAR BAHARU DI FPTV

Pada 20 Februari 2018 yang lepas, satu sesi taklimat telah diadakan antara pihak pengurusan FPTV bersama pelajar-pelajar baharu bertempat di Studio Pendidikan di FPTV. Sesuatu pertemuan itu dihadiri oleh semua pelajar yang baru mendaftar sebagai mahasiswa di FPTV bersama dengan Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, Prof Madya Dr Abdul Rasid Bin Abdul Razzaq. Turut hadir ke sesi tersebut ialah Ketua Jabatan Pendidikan Kejuruteraan, Dr Faizal Amin Nur Yunus. Prof Madya Dr Abdul Rasid telah menyampaikan amanat beliau kepada pelajar baharu tentang peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang empat tahun sesi pengajian di FPTV. Beliau juga berharap dengan kemasukan pelajar baharu pada sesi kali ini akan dapat menghasilkan graduan yang berkualiti dan holistik yang memenuhi kehendak pasaran kerja di samping dapat menaikkan nama baik FPTV khususnya dan UTHM amnya.



Prof Madya Dr Abdul Rasid menyampaikan ucapan



Sesi bergambar seusai sesi taklimat

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DI FPTV (11 FEBRUARI 2018)

Pelajar Perintis Kolej Vokasional Lapor Diri di FPTV



Ainul Aisyah Binti Anuar (Pelajar BBE) menyambung pengajian demi mencapai cita-cita sebagai pendidik yang berkaliber

Pendaftaran pelajar baharu pada Semester 2 Sesi 2017/2018 mencatat sejarah tersendiri apabila pelajar perintis Kolej Vokasional (Kohort 2012) buat julung kalinya menjadi pelajar pertama melapor diri di FPTV. Ainul Aisyah Binti Anuar, 22 Tahun merupakan satu-satunya pelajar lepasan Diploma Vokasional Malaysia dalam bidang Teknologi Elektrik dari Kolej Vokasional Seri Manjung, Perak yang diterima untuk meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik & Elektronik) dengan Kepujian di FPTV. Apabila ditanya sebab memilih FPTV UTHM sebagai destinasi untuk menyambung pengajian, anak kedua daripada empat beradik ini menjelaskan bahawa minat beliau terhadap kerjaya perguruan menjadi dorongan kepada beliau untuk meneruskan pengajian dalam bidang pendidikan. Tambahan pula, hasrat beliau disokong penuh oleh ibu bapa dan abang beliau yang merupakan bekas graduan diploma di UTHM sebelum ini. Beliau yang ditempatkan di Kolej Kediaman Tun Dr Ismail berharap keputusan menyambung pengajian di peringkat ijazah di FPTV membuka peluang untuk menjadi seorang pendidik yang berkaliber setelah tamat pengajian nanti. Ainul turut berjanji untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat Anugerah Dekan seterusnya merealisasikan impian dan harapan ibu dan bapanya.

Kursus Katering Pilihan Pasangan Kembar Seiras

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (ISMPV) di FPTV terus mendapat perhatian pelajar baharu apabila sepasang pelajar kembar seiras melapor diri di FPTV pada 11 Februari yang lalu. Hilmi Nasri Bin Rahmat bersama adiknya, Hilmi Nazri Bin Rahmat, 24 tahun, bakal meneruskan pengajian mereka dalam program ISMPV (Katering) untuk tempoh masa empat tahun akan datang. Mereka yang merupakan anak kepada pengusaha Restoran Sate Rahmat yang terkenal di Batu Pahat ini merupakan lepasan Diploma Teknologi Makanan dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Apabila ditanya tentang matlamat mereka di FPTV, Hilmi Nasri menjelaskan bahawa impian mereka untuk menjadi pendidik mendorong mereka untuk menyambung pengajian di FPTV. Dalam masa yang sama pasangan kembar berkenaan juga berharap dapat menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang penyediaan makanan bagi menyambung legasi perniagaan katering milik keluarga mereka.



Pasangan kembar Hilmi Nasri Bin Rahmat dan Hilmi Nazri Bin Rahmat (pelajar BBC) berswafoto di Blok C, FPTV

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL



Ucapan alu-aluan daripada Yang Berbahagia Dekan, Prof Dr Wan Abdul Rashid bin Wan Ahmad



Sesi soal jawab bersama Pengerusi Kelab Staf FPTV, Dr Noor Azman Abdul Samad

MESYUARAT FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL & VOKASIONAL BIL. 1/2018

Pada 14 Februari 2018, Mesyuarat Fakulti yang pertama bagi tahun 2018 telah diadakan di Studio Pendidikan FPTV. Mesyuarat yang dihadiri oleh staf FPTV dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Yang Berbahagia Dekan FPTV, Prof. Dr. Wan Abdul Rashid Wan Ahmad. Yang Berbahagia Dekan menyampaikan amanat kepada staf dibawah pentadbiran beliau agar dapat menjalankan tugas dengan baik dan amanah. Beliau turut menekankan perubahan yang lebih positif pada masa akan datang dalam kalangan staf fakulti amat penting bagi merealisasikan halatuju FPTV. Sesi mesyuarat diteruskan dengan pembentangan oleh Timbalan-timbalan Dekan berkaitan perancangan fakulti pada tahun 2018 untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Seterusnya, mesyuarat disusuli dengan pengesahan minit mesyuarat yang lalu dan sesi soal jawab tentang perkara berbangkit. Mesyuarat yang berlangsung kira-kira tiga jam itu diakhiri dengan jamuan makan tengahari dan sesi ramah mesra antara staf. Diharapkan hasil mesyuarat ini akan dapat membawa FPTV ke arah yang lebih baik pada masa akan datang.

PAMERAN PENDIDIKAN HALA TUJU DAN PROGRAM PELAJAR VOKASIONAL

Pada 24 Februari 2018 yang lalu, FPTV telah menyertai Pameran Pendidikan Hala Tuju dan Program Pelajar Vokasional di Dewan Sri Banang, Kolej Vokasional (KV) Batu Pahat. Pameran yang dianjurkan oleh KV Batu Pahat ini adalah bersempena Hari Koperasi KVBP Berhad berlangsung selama satu hari bermula dari 9:00 pagi hingga 4:30 petang. Jawatankuasa promosi yang terlibat dalam pameran kali ini diketuai oleh Dr. Tamil Selvan A/L Subramaniam dan dibantu oleh, Dr. Nur Syamimi Mohd Razali serta dua orang pelajar daripada program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik & Elektronik) iaitu saudara Fares & saudara Wan Arif. Pameran ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan pengunjung tentang kursus-kursus yang ditawarkan di FPTV UTHM beserta penerangan tentang syarat-syarat kemasukan program seterusnya untuk menarik minat golongan sasaran untuk menyambung pengajian di FPTV.



Staf FPTV dan pelajar yang terlibat dalam Pameran Pendidikan Hala Tuju dan Program Pelajar Vokasional di Kolej Vokasional Batu Pahat

BENGKEL OUTCOME-BASED EDUCATION

Pada 11 dan 12 Februari 2018 yang lalu, bengkel berkaitan Outcome-Based Education (OBE) telah diadakan di Makmal Komputer Umum di FPTV. Bengkel yang berlangsung selama dua hari itu, diketuai oleh Dr. Nurfirdawati Muhamad Hanafi telah dihadiri oleh semua penyelaras kursus di FPTV. Pengisian kepada bengkel ini adalah berkaitan dengan penerangan dan pendedahan kepada penyelaras kursus tentang cara penyediaan Rancangan Pengajaran & Pembelajaran (RPP), Code of Practice for Programme Accreditation(COPPA) dan Table of Specification of Course (ToSoC). Bengkel ini mendapat sambutan daripada staf apabila ramai penyelaras kursus bertindak untuk menghadiri bengkel tersebut. Diharapkan dengan penganjuran bengkel ini akan dapat meningkatkan lagi kemahiran staf dalam penyediaan RPP, COPPA dan ToSoC serta dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

PERISTIWA YANG AKAN DATANG

- Mesyuarat Penyelarasan Mobiliti Inbound & Outbound ke UNY bersama International Office**
- Mesyuarat bersama kumpulan petugas khas bagi 1-Day Forum bersama Profesor pelawat dan pensyarah jemputan dari Rajamangala University of Technology Lanna, Thailand**